Pelanggan dengan ini berjanji bahawa Pelanggan menggunakan Kemudahan ini hanya untuk tujuan yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi AEON i-Cash ("**Borang Permohonan**").

**4. Mekanisma Pembiayaan**

- Kemudahan ini adalah kemudahan pembiayaan tanpa cagaran yang berasaskan konsep Syariah Tawarruq.
- Setelah Kemudahan diluluskan, AEON Credit akan bertindak sebagai ejen Pelanggan yang mutlak dan eksklusif dalam membeli dan menjual Komoditi melalui transaksi-transaksi Komoditi Murabahah berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq seperti yang berikut:-
  - Pelanggan (melalui AEON Credit sebagai ejen Pelanggan) hendaklah Pesanan Belian kepada AEON Credit, memohon AEON Credit untuk membeli Komoditi dan akur janji untuk membeli Komoditi tersebut daripada AEON Credit. Pesanan Belian yang telah dikeluarkan oleh Pelanggan tidak boleh dibatalkan dan hendaklah menyatakan Jumlah Pembiayaan.
  - Menurut Surat Perlantikan Wakil, Pelanggan akan melantik AEON Credit: (i) untuk menjadi ejen Pelanggan untuk mengeluarkan Pesanan Belian bagi pihak Pelanggan; (ii) untuk menjadi ejen Pelanggan untuk membeli (sebagai pembeli) Komoditi daripada AEON Credit (sebagai penjual) dibawah Tawaran Jual dan membeli (sebagai pembeli) Komoditi daripada AEON Credit (sebagai pembeli) dibawah dan (iii) untuk menjadi ejen Pelanggan untuk menjual (sebagai penjual) Komoditi kepada Broker Komoditi mengikut cara seperti yang ditetapkan di bawah Klausula 4(b)(v) di bawah.
  - Disokong dengan Pesanan Belian untuk Komoditi oleh Pelanggan dan akur janji untuk membeli Komoditi daripada AEON Credit di bawah Pesanan Belian, AEON Credit akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada Pembekal Komoditi ("**Transaksi Pembelian**"). Kemudian, AEON Credit akan mengeluarkan Makluman Pembelian kepada Pelanggan (melalui AEON Credit sebagai ejen Pelanggan) mengesahkan pembelian Komoditi oleh AEON Credit daripada Pembekal Komoditi.
  - Selepas Transaksi Pembelian, AEON Credit akan menawarkan Komoditi untuk dijual kepada Pelanggan (melalui AEON Credit sebagai ejen Pelanggan) pada Harga Jual Tertunda secara mengandungi terma-terma tawaran untuk menjual Komoditi kepada Pelanggan ("**Transaksi Jual**"). Setelah Pelanggan (melalui AEON Credit sebagai ejen Pelanggan) menerima Tawaran Jual Komoditi melalui Penerimaan, kemudian Transaksi Jual akan dimasuki. Pembayaran Pembayaran Tertunggak oleh Pelanggan kepada AEON Credit hendaklah dibuat selaras dengan terma-terma Transaksi Jual.
  - Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi Pembelian dan Transaksi Jual hendaklah ditadbir oleh Terma dan Syarat ini dan Pelanggan tidak boleh menamatkan, atau membatalkan dalam apa jua cara mana-mana liabiliti-liabiliti atau obligasi-obligasi di bawah Terma dan Syarat ini dan Dokumen Transaksi apabila selesai Transaksi Pembelian dan Transaksi Jual.
- Kemudahan ini tidak boleh ditamatkan, dibatalkan dan/atau revokasi dalam apa jua cara sekalipun jika pelanggan menjawab "Ya" kepada SMS tawaran yang dihantar kepada pelanggan bagi pihak AEON Credit.

**5. Amaun Kemudahan**

Amaun Kemudahan adalah jumlah prinsipal yang diluluskan oleh AEON Credit dan dimaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis dan/atau dalam apa jua cara yang dianggap wajar oleh AEON Credit, di mana jumlah tersebut tidak boleh melebihi jumlah yang dimohon.

**6. Kadar Keuntungan**

Kadar keuntungan yang dikenakan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pembayaran, yang mana, dalam konteks yang dibenarkan, termasuk sebarang dan semua kadar lain yang mungkin ditetapkan oleh AEON Credit pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, pada masa kemasukkan ke transaksi Komoditi Murabahah.

**7. Pengiraan Ansuran Bulanan Kasar**

Ansuran Bulanan Kemudahan dikira mengikut formula berikut:-

$$\frac{[(P \times I \times Y) + P] / m,$$

di mana,

- P** = Amaun Kemudahan,  
**I** = Kadar Keuntungan Setahun  
**Y** = Tempoh kemudahan yang diluluskan dalam tahun  
**m** = Tempoh kemudahan yang diluluskan dalam bulan

**8. Jadual Pembayaran**

lalah jadual pembayaran yang menyatakan butiran Kemudahan termasuk Amaun Kemudahan yang diluluskan, Ansuran Bulanan, Harga Jual Tertunda, Kadar Keuntungan, Tarikh Pembayaran yang ditetapkan dan Tempoh Kemudahan.

**9. Pengeluaran Kemudahan**

AEON Credit akan mengeluarkan Amaun Kemudahan kepada Pelanggan setelah menolak caj dan yuran, seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan.

**10. Pengenaan Cukai yang berkenaan**

Sebarang cukai perkhidmatan dan lain-lain cukai yang seumpamanya adalah perlu dibayar oleh Pelanggan. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.mv.aeoncredit.com.my](http://www.mv.aeoncredit.com.my).

**11. Pembayaran**

- Pelanggan hendaklah mematuhi jumlah ansuran bulanan dan tarikh matang bayaran bulanan seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen Transaksi dan Jadual Pembayaran yang dibuat antara Pelanggan dan AEON Credit.
- Pelanggan dengan ini berjanji untuk membuat aturan bayaran yang bersesuaian bagi pembayaran Akaun Kemudahan mengikut Terma dan Syarat ini sekiranya Pelanggan berada di luar negara.
- Di mana Pelanggan berhasrat untuk membuat bayaran melalui cara Kemudahan Debit Terus, Pelanggan dengan ini secara tidak boleh batal membenarkan AEON Credit untuk mengarahkan bank atau institusi kewangan Pelanggan untuk mendebitkan akaun Pelanggan bagi setiap ansuran bulanan tersebut.
- Sekiranya nota janji hutang, instrumen boleh niaga atau perintah bank diberi oleh Pelanggan kepada AEON Credit pada bila-bila masa berhubung dengan apa-apa wang dalam Terma ini, Pelanggan secara tidak boleh batal membenarkan AEON Credit untuk memasukkan di dalamnya tarikh-tarikh yang sesuai selaras dengan Terma ini bila mana bayaran-bayaran menjadi kena dibayar di bawahnya.
- Semua pembayaran mesti dibuat ke alamat AEON Credit sebagaimana dinyatakan dalam Terma ini atau ke alamat yang diluluskan buat sementara waktu dan/atau dimaklumkan oleh AEON Credit secara bertulis dan sebarang bayaran yang dihantar melalui pos adalah atas risiko Pelanggan sehingga diterima oleh AEON Credit di alamat yang ditetapkan. Pembayaran melalui cek akan dianggap diterima setelah cek dijelaskan.

**12. Penyata Akaun**

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penyata akaun atau notis janaan computer yang dikeluarkan oleh AEON Credit adalah bukti muktamad dan tepat mengenai keperluan Pelanggan.

**13. Kejadian Ingkar**

AEON Credit mempunyai hak untuk menamatkan Kemudahan dengan memberikan notis awal dan menuntut pembayaran untuk amaun yang belum dijelaskan sekiranya:

- Pelanggan memungkir dalam bayaran ansuran bulanan atau sebarang amaun perlu bayar dan mesti bayar di dalam Terma dan Syarat ini (samaada dituntut atau tidak);
- Pelanggan melanggar mana-mana syarat yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini;
- Atas sebarang alasan Terma dan Syarat ini adalah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh

dikuatkuasakan;

- Prosiding kebangkrapan dimulakan ke atas Pelanggan;
- Pelanggan meninggalkan dunia atau menjadi tidak siaman;
- Sebarang hutang Pelanggan kepada pihak ketiga tidak dijelaskan pada tarikh matang atau menjadi perlu dibayar sebelum kematangannya seperti yang dinyatakan atau apa-apa jaminan yang diberikan oleh Pelanggan tidak ditunaikan apabila sampai tarikh matang dan dituntut;
- Sebarang dokumen dan maklumat yang diberikan adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan;
- Terdapatnya sebarang penipuan, pemalsuan dan representasi yang tidak benar dalam permohonan, Pelanggan maka, AEON Credit boleh memberi notis bertulis tujuh (7) hari kepada Pelanggan untuk membatalkan Kemudahan ini, bila mana keseluruhan Jumlah Baki akan dengan serta-merta menjadi perlu dibayar dan Pelanggan hendaklah membayar:
  - Caj Bayaran Lewat yang ditakrifkan di dalam Klausula 15A, ke atas Jumlah yang belum dijelaskan (sebelum penghakiman) sehingga keseluruhan Jumlah Baki telah dibayar sepenuhnya;
  - semua perbelanjaan dan caj-caj lain (termasuk kos peguamcara AEON Credit) yang ditanggung oleh AEON Credit dalam menguatkuasakan bayaran mana-mana jumlah perlu dibayar oleh Pelanggan kepada AEON Credit.
- Keingkaran bersilang**  
 AEON Credit mempunyai hak untuk meneruskan dengan tindakan undang-undang terhadap Pelanggan untuk menamatkan Kemudahan tersebut, keuntungan keatasnya dan kesemua wang lain yang terhutang kepada AEON Credit dibawah Terma dan Syarat ini tersebut atau menahan atau menarik balik Kemudahan tersebut sekiranya terdapat keingkaran dalam pembayaran sebarang jumlah yang terhutang oleh Pelanggan dibawah ini atau dibawah sebarang akaun lain dengan AEON Credit atau dengan sebarang institusi kewangan atau sekiranya terdapat keingkaran pembayaran sebarang jumlah yang terhutang dibawah akaun mana-mana pihak dimana Pelanggan adalah penjamin.
- Penyelesaian Awal**  
 a. Pelanggan boleh memberi tujuh (7) hari notis bertulis terdahulu kepada AEON Credit untuk menjelaskan jumlah baki yang tertunggak dengan membayar kepada AEON Credit jumlah baki tertunggak total rebat seperti yang akan ditentukan dan dipersetujui oleh AEON Credit di atas budi bicara tunggal dan mutlaknya.

**15A. Caj Bayaran Lewat**

Jika Pelanggan gagal untuk membuat mana-mana ansuran bulanan atau membayar apa-apa jumlah yang perlu dibayar apabila perlu atau tunggakan Harga Jual Tertunda secara penuh apa dituntut (di mana Terma dan Syarat ini membenarkan tuntutan tersebut dibuat oleh AEON Credit), Pelanggan hendaklah membayar Caj Bayaran Lewat ("**CBL**") kepada AEON Credit berdasarkan kepada prinsip Syariah Ta'widh (pampasan) yang dikira:

- pada kadar CBL satu peratus (1%) setiap tahun ke atas bayaran-bayaran yang tertunggak, daripada tarikh apabila perlu bayar sehingga tarikh pembayaran penuh di buat dalam Tempoh atau sehingga tarikh penghakiman (mana-mana yang lebih awal), dan
- pada kadar CBL yang merupakan kadar semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) oleh Bank Negara Malaysia ke atas Harga Jual Tertunda, selepas Tempoh tamat atau selepas tarikh penghakiman (mana-mana yang lebih awal).

CBL hendaklah dikira berdasarkan kadar LPC seperti yang berikut:-

CBL – tunggakan Ansuran Bulanan (atau tunggakan Harga Jual Tertunda) x kadar CBL / 365 hari x bilangan hari tertunggak)

CBL tidak akan dikompaunkan. Hak untuk CBL tidak boleh menjejaskan apa-apa hak AEON Credit yang terdapat dibawah terma-terma Kemudahan.

**16. Pindaan Terma dan Syarat**

Penggunaan Kemudahan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Tertakluk kepada pematuhan prinsip-prinsip Syariah, AEON Credit berhak pada bila-bila masa dan dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalender sebelum menambah, meminda, memadamkan, memperbaiki, mengubah atau menarik kesemua atau mana-mana terma dan syarat. Sebarang pindaan sekiranya ada, akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui mana-mana cara atau kaedah dan boleh dibuat melalui surat kepada Pelanggan atau melalui laman web AEON Credit atau mana-mana kaedah yang dianggap wajar oleh AEON Credit.

**17. Hak AEON Credit**

- Tiada masa atau kelonggaran lain yang diberikan oleh AEON Credit kepada Pelanggan akan bertindak sebagai penipen hak-hak AEON Credit (kecuali setakat yang dinyatakan oleh AEON Credit secara bertulis) berhubung dengan mana-mana pelanggaran yang berlaku secara berterusan atau kemudiannya.
- AEON Credit mempunyai hak mengikut budi bicara mutlak untuk melakukan perkara-perkara berikut pada bila-bila masa sama ada Kemudahan di sini telah dibayar atau digunakan:
  - Menganalisa kemudahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengira sama ada atau tidak suatu peristiwa mungkin telah berlaku dan apa-apa semakan, jika dijalankan, hendaklah dalam cara yang ditentukan oleh AEON Credit. Sebarang kelewatan atau tertinggal untuk menjalankan semakan semula tidak boleh ditafsirkan sebagai pengurangan hak AEON Credit untuk menyemak serta menjejaskan hak AEON Credit untuk mendapatkan kembali semua wang yang tertunggak.
  - Pada bila-bila masa selepas ini untuk menarik balik atau tidak memberi sedia atau membatalkan atau menamatkan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya apabila berlakunya apa-apa kejadian yang pada pendapat AEON Credit akan menjejaskan kedudukan kewangan Pelanggan dan/atau yang menghalang perjalanan urusan perniagaan Pelanggan selaras dengan kewangan, pawiawan perindustrian atau komersial dan praktis dan/atau akan menjejaskan kedudukan AEON Credit dan/atau yang gagal dengan mana-mana keperluan AEON Credit di mana jua pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan keputusan AEON Credit adalah muktamad. AEON Credit mempunyai budi bicara mutlak untuk membuat keputusan mengenai pelaksanaan keadaan ini (pada bila-bila masa yang berkenaan).
  - AEON Credit mempunyai hak mutlak dan budi bicara untuk tidak melepaskan atau menyediakan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya atau untuk menarik balik atau membatalkan dan/atau menamatkan dengan segera Kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan apabila AEON Credit menyedari bahawa Pelanggan telah disiasat atau didakwa terlibat dan/atau telah melakukan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau kesalahan jenayah dalam apa jua bentuk atau akan atau telah didakwa tertakluk kepada apa-apa pendakwaan jenayah dan/atau sabitan dan/atau apa-apa jaminan berkenaan Kemudahan yang dipegang oleh AEON Credit tertakluk kepada atau pada risiko pembekuan, penyitaan dan perampasan oleh Kerajaan Persekutuan dan/atau lain-lain pihak berkuasa yang berkenaan atau badan-badan kawal selia. Bagaimanapun, keputusan AEON Credit adalah muktamad dan konklusif.

**18. Perkhidmatan dan/atau Pemberitahuan**

Sebarang tuntutan bagi bayaran kena dibayar termasuk Writ Saman dan/atau mana-mana notis yang perlu diberi berhubung dengan Terma dan Syarat ini akan tanpa menjejaskan kepada mana-mana kaedah penyampaian lain dianggap sebagai telah disampaikan secara yang mencukupi kepada Pelanggan sekiranya ia diberi oleh AEON Credit melalui pos pra bayar yang dialamatkan kepada Pelanggan pada alamat terakhir yang diketahui telah diberi oleh Pelanggan atau di alamat lain tertentu sebagaimana Pelanggan mungkin telah memaklumkan kepada AEON Credit dengan memberikan notis secara bertulis sebagai alamat barunya dan dalam kes-kes sedemikian, ia akan dianggap sebagai telah diterima (sama ada ia berjaya dihantar atau tidak) oleh Pelanggan dalam masa empat puluh lapan (48) jam selepas masa pengeposan atau apabila notis sedemikian (rek dalam perjalanan biasa telah dihantar kepada Pelanggan).

**19. Penyemakan Variasi atau Perubahan**

- Tertakluk kepada pematuhan prinsip-prinsip Syariah, AEON Credit berhak untuk:
  - mengubah kaedah pengiraan fi perkhidmatan, fi dan caj lain, bayaran minimum kena dibayar dan sebarang fi, caj atau levi berkenaan lain yang diperuntukkan di dalam ini bagi apa-apa sebab sekalipun (sama ada yang timbul daripada perubahan dalam profil risiko pemohon atau sebaliknya) termasuk tarikh berkuat kuasa sebarang perubahan sedemikian; dan
  - mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walu bagaimanapun jua) sebarang Terma ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa

- (secara kolektif dirujuk sebagai "Perubahan") dengan memberi Pelanggan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari calendar terlebih dahulu. Perubahan akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh AEON Credit.
- b. Segala Terma dan Syarat, yuran, kadar, cukai, caj dan levi mungkin, tertakluk kepada pematuhan prinsip-prinsip Syariah, berubah pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara tunggal dan mutlak AEON Credit dengan terlebih dahulu memaklumkan kepada Pelanggan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari mengikut kalendar. Notis variasi, penyemakan atau penarikan boleh dilaksanakan melalui:
    - i. memamerkan notis tersebut di atas kepada pelanggan, atau
    - ii. menghantar notis tersebut melalui SMS kepada pelanggan atau memuat-naik notis yang sama di laman web AEON Credit
- 20. Hak AEON Credit untuk Mendedahkan Maklumat**
- a. Pembeli telah membaca, bersetuju dan dengan ini membenarkan pengumpulan dan pemrosesan maklumat peribadi / data peribadi Pembeli seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi di pautan laman web kami seperti berikut <https://www.myaeoncredit.com.my/privacy-policy>.
  - b. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk terikat dengan Pengakuan dan fasal pendedahan yang ditetapkan di dalam borang permohonan produk ini yang merupakan dokumen pra-syarat untuk produk ini termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pendedahan peruntukan berhubung dengan data peribadi dan pendedahan bagi tujuan jualan silang dan pemasaran produk-produk dalam AEON Group dan rakan-rakan strategik nya jika Pelanggan telah memilih untuk yang sama dan seterusnya Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada pihak AEON Credit dan/atau pegawai-pegawainya untuk:-
    - i. menggunakan, mendedahkan atau memaklumkan apa-apa maklumat mengenai Akaun Pembiayaan Peribadi AEON-i Cash nya untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada pihak AEON Credit di bawah Terma dan Syarat ini;
    - ii. pendedahan sebarang maklumat berkenaan dengan kedudukan kredit Pelanggan kepada bank dan/atau institusi-institusi kewangan yang lain di mana perlu dengan cara dan setahap mana pihak AEON Credit menganggap perlu berkaitan dengan pertanyaan-pertanyaan sedemikian dan juga pendedahan nombor-nombor akaun kepada mana-mana pihak seperti ejen pemungut hutang, mana-mana individu di dalam atau di luar Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat-syarikat dalam AEON Group, sama ada kumpulan syarikat tersebut menetap, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen-ejen tertentu, ejen yang diberi kuasa memelihara dan menyimpan rekod- rekod (kewangan atau lain-lain) pada masa tertentu dan tanpa liabiliti, apa-apa maklumat dan butiran (kewangan atau lain-lain) yang berkaitan dengan urusan dan akaun Pelanggan, pembiayaan dan pengendalian;
    - iii. mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia atau mana – mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas syarikat mengenai Kemudahan Pelanggan atau Akaun Pelanggan, seperti mana yang diperlukan. Pihak AEON Credit tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain atas pendedahan sedemikian.
    - iv. memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat untuk membenarkan Bank Negara Malaysia mendedahkan maklumat kredit Pelanggan kepada mana-mana institusi-institusi kewangan, agensi pelaporan kredit atau kepada mana-mana orang-orang lain dalam apa-apa cara dan setakat mana yang diperlukan dan dianggap perlu oleh Bank Negara Malaysia untuk tujuan penilaian kepercayaan kredit bagi pelanggan AEON Credit yang sedia ada atau berpotensi dan diperlukan di bawah Seksyen 47 Akta Bank Negara Malaysia 2009.
- 21. Perlantikan Agen**  
Secara terperinci dan bukan mengurangkan hak-hak AEON Credit dibawah Terma dan Syarat ini, AEON Credit akan mempunyai hak, atas budi bicara mutlak nya, untuk melantik agen pilihannya untuk mengumpul semua dan sebarang jumlah yang terhutang kepada AEON Credit oleh Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini.
- 22. Pengawasan & Rakaman Telefon**  
AEON Credit berhak untuk memantau dan merakam untuk tujuannya sendiri, sebarang panggilan yang dibuat dengan Pelanggan mengikut budi bicara mutlak AEON Credit tanpa sebarang notis kepada atau kebenaran lanjut daripada Pelanggan. Pelanggan bersetuju bahawa AEON Credit berhak untuk menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam mana-mana pertikaian.
- 23. Penanggunggan Rugi**  
Pelanggan harus tidak memudaratkan AEON Credit dan membuatkan AEON Credit menanggung rugi terhadap sebarang liabiliti atas kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau sebaliknya termasuk kos peguamcara dan klien) yang boleh dikenakan oleh AEON Credit atas sebab peruntukan di sini atau dalam penguatkuasaan haknya di bawah ini.
- 24. Undang-Undang**  
Terma dan Syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia.
- 25. Masa**  
Masa di mana-mana disebut adalah merupakan intipati dalam Terma dan Syarat ini.
- 26. Penyerahan Hak**  
AEON Credit berhak pada bila-bila masa tanpa keizinan Pelanggan untuk menyerahkan kesemua atau mana-mana bahagian haknya atau obligasi di bawah ini dengan atau tanpa notis kepada Pelanggan.
- 27. Percanggahan antara Teks Bahasa Inggeris dan lain lain**
- a. Di mana Terma dan Syarat ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa lain selain daripada Bahasa Inggeris, jika berlaku konflik, percanggahan atau perbezaan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi bahasa lain.
  - b. Dalam Terma dan Syarat ini melainkan terdapat sesuatu dalam subjek atau konteks yang tidak konsisten dengan pentakrifan tersebut atau melainkan secara nyata diperuntukkan sebaliknya, perkataan yang terpakai kepada orang biasa termasuk orang, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, diperbadankan atau tidak diperbadankan, perkataan yang membawa maksud satu termasuk bilangan majmuk dan sebaliknya dan perkataan yang bermaksud gender maskulin termasuk gender feminine dan neuter.
- 28. Penerbitan Terma dan Syarat Ini Di Laman Web AEON Credit**
- a. Salinan Terma dan Syarat ini diterbitkan di laman web kami di [www.myaeoncredit.com.my](http://www.myaeoncredit.com.my). Sekiranya AEON Credit mengubah atau meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, versi yang dipinda dan dikemaskini akan dipaparkan di laman web yang dinyatakan di atas.
  - b. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan terma dan syarat ini, Pelanggan boleh menghubungi Bahagian Khidmat Pelanggan AEON Credit di alamat, alamat emel, nombor telefon dan faksimili berikut (atau di alamat, alamat emel, nombor telefon dan faksimili lain yang mungkin diubah oleh AEON Credit melalui pemberitahuan kepada Pelanggan):
- Pusat Perkhidmatan Pelanggan**  
Level 18, UOA Corporate Tower, Avenue 10, The Vertical, Bangsar  
South City, No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2719 9999 . Emel:  
customer.service@aeoncredit.com.my Laman web:  
[www.myaeoncredit.com.my](http://www.myaeoncredit.com.my)
- 29. Force Majeure**  
Tanpa prejudis ke atas mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, Pelanggan bersetuju bahawa AEON Credit tidak akan bertanggungjawab sekiranya AEON Credit tidak dapat melaksanakan secara penuh atau mana-mana Bahagian tanggungjawab-tanggungjawabnya dibawah Terma dan Syarat ini, berpunca daripada, secara langsung atau tidak, kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemroses data, aliran transmisi, kegagalan elektrik, pertikaian industri dan mana-mana tindakan diluar kawalan AEON Credit atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat force majeure.
- 30. Anti-Rasuah**  
Pelanggan tidak boleh bersetuju, memberikan, menjanjikan, menawarkan atau menerima apa-apa jenis suapan atau pertimbangan lain sebagai satu dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan untuk memperoleh sebarang jenis manfaat daripada AEON Credit. Pelanggan hendaklah mematuhi kesemua peruntukan undang-undang, polisi atau peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pencegahan rasuah atau pencegahan suapan termasuk Polisi Pencegahan Suapan AEON Credit yang boleh didapati dalam laman web AEON Credit. Sekiranya AEON Credit mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pelanggan telah gagal mematuhi peruntukan ini, maka AEON Credit boleh, dalam budi bicara mutlaknya menamatkan Perjanjian ini tanpa prejudis kepada apa-apa remedi yang tersedia ada untuknya.
- 31. Tandatangan Elektronik(E-Signature)**  
Terma dan syarat ini boleh dihantar melalui emel elektronik dalam format elektronik dan/atau format PDF dan salinan elektronik halaman tandatangan yang telah ditandatangani akan dianggap sebagai asal. Terma dan syarat ini boleh ditandatangani secara elektronik oleh kedua-dua pihak mengikut Akta Perdagangan Elektronik 2006, sebagaimana dipinda, sebagaimana yang berkenaan. Mana-mana pihak yang menandatangani terma dan syarat ini secara elektronik perlu memastikan pematuhan dan mengetahui dengan keperluan tandatangan elektronik seperti yang ditetapkan dalam Akta Perdagangan Elektronik 2006, sebagaimana dipinda, sebagaimana yang berkenaan.
- 32. Rujukan-rujukan**  
Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan jika konteksnya memerlukan yang berlainan, ekspresi- ekspresi yang berikut mempunyai maksud-maksud seperti yang berikut:
- i. "Penerimaan" bermaksud penerimaan Pelanggan terma-terma jualan Komoditi menurut kepada Tawaran Jualan di dalam bentuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4 Terma dan Syarat ini;
  - ii. "Makluman Pembelian" bermaksud maklumat pembelian oleh AEON Credit kepada Pelanggan mengesahkan pembelian Komoditi oleh AEON Credit daripada Pembekal Komoditi secara substansial dalam bentuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4 Terma dan Syarat ini;
  - iii. "Komoditi" bermaksud apa-apa Komoditi patuh Syariah (selain daripada barang-barang ribawi dalam kategori medium pertukaran seperti mata wang, emas, perak dan instrument dent) yang disediakan melalui platform dagangan komoditi seperti As – Sidq atau mana-mana platform yang diluluskan oleh penasihat Syariah AEON Credit;
  - iv. "Broker Komoditi" bermaksud komoditi broker yang dinasihatkan oleh AEON Credit;
  - v. "Komoditi Murabahah" bermaksud satu transaksi Islamik berdasarkan prinsip-prinsip Sharah Murabahah (i.e. kos dan keuntungan jualan) dan Tawruq (i.e. jualan tripartite);
  - vi. "Pembekal Komoditi" bermaksud pembekal komoditi yang dinasihatkan oleh AEON Credit;
  - vii. "Harga Jualan Tertunda" bermaksud harga jualan kontrak yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada AEON Credit untuk jualan Komoditi kepada Pelanggan dalam jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Tawaran Jualan dan terdiri daripada:
    1. Jumlah Pembiayaan; dan
    2. Jumlah Keuntungan
  - viii. "Surat Perlantikan Wakil" bermaksud surat perlantikan wakil yang dikeluarkan oleh Pelanggan kepada AEON Credit secara substansial di dalam bentuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5 Terma dan Syarat ini;
  - ix. "Tawaran Jualan" bermaksud surat tawaran jualan secara substansial dalam bentuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 Terma dan Syarat ini apabila menawarkan untuk jual Komoditi kepada Pelanggan;
  - x. "Tawaran SMS" bermaksud SMS yang dihantar kepada pelanggan yang terdiri daripada Jumlah Pembiayaan yang diluluskan, Harga Pembelian, Kadar Keuntungan, Tempoh Pinjaman, Amaun Ansuran Bulanan, Amaun Ansuran Akhir, Amaun Potongan Takaful, fi Pemrosesan, Yuran Duti Setem dan fi Wakalah. Pelanggan perlu membalas SMS tawaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan tawaran sebagai ' AKAD ' untuk dianggap sebagai lengkap urusan.
  - xi. "Jumlah Keuntungan" bermaksud bahagian keuntungan daripada Harga Jualan Tertunggak di bawah Transaksi Jualan yang relevan, yang merupakan agregat jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Yang Ditetapkan.
  - xii. "Pesanan Belian" bermaksud satu permintaan yang dikeluarkan oleh Pelanggan kepada AEON Credit, secara substansial dalam bentuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 Terma dan Syarat ini;
  - xiii. "Harga Pembelian" bermaksud satu jumlah yang perlu dibayar oleh AEON Credit kepada Pembekal Komoditi untuk pembelian Komoditi di bawah Transaksi Pembelian yang relevan di mana jumlah tersebut hendaklah bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan pada masa yang relevan Transaksi Pembelian.
  - xiv. "Prinsip-prinsip Syariah" bermaksud prinsip-prinsip daripada undang-undang Islam berkaitan dengan perbankan dan kewangan seperti yang diterima pakai dan dipersetujui oleh penasihat Syariah AEON Credit dan menurut resolusi-resolusi dan peraturan-peraturan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dibawah Seksyen 51 Akta Bank Negara Malaysia 2009;
  - xv. "Dokumen Transaksi" bermaksud Terma dan Syarat ini, Pesanan Belian, Makluman Pembelian, Tawaran Jualan, Penerimaan, Surat Perlantikan Wakil dan apa-apa dokumen yang dimeterai atau akan dimeterai oleh parti-parti dari semasa ke semasa.